

NO. SOALAN: 396

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

RUJUKAN : 9123

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa orang yang mati dalam tahanan polis dalam tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016 setakat ini menurut pecahan kaum, jantina, kewarganegaraan, sebab-sebab kematian dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa dalam kes-kes tersebut.

JAWAPAN

Kerajaan memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan pihak polis dan akan menjalankan siasatan dengan secara terperinci sama ada kematian tersebut disebabkan oleh kecuaiian atau kematian disebabkan oleh penyakit.

Statistik kematian dalam lokap polis di seluruh negara pada tahun 2013 sehingga April 2016 dan mengikut bangsa adalah seperti berikut:-

| BIL | TAHUN | LELAKI | PEREMPUAN | JUMLAH KES | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN | WARGA NEGARA ASING |
|-----|--------|--------|-----------|------------|--------|------|-------|-----------|--------------------|
| 1 | 2013 | 18 | 2 | 20 | 3 | 5 | 5 | 1 | 6 |
| 2 | 2014 | 17 | 1 | 18 | 6 | 4 | 6 | | 2 |
| 3 | 2015 | 11 | 1 | 12 | 6 | 1 | 2 | | 3 |
| 4 | 2016 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | JUMLAH | 46 | 4 | 50 | 15 | 10 | 13 | 1 | 11 |

Statistik kematian dalam lokap polis di seluruh negara pada tahun 2013 sehingga April 2016 mengikut punca kematian adalah seperti berikut:-

| BIL | PUNCA KEMATIAN | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | JUM |
|---------------|--|-------------|-------------|-------------|-------------|------------|
| 1 | HIV | 1 | 1 | | 0 | 2 |
| 2 | SAKIT ASMA | | | 1 | 0 | 1 |
| 3 | SAKIT JANTUNG | 1 | 2 | 1 | 0 | 4 |
| 4 | LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS, HATI, KUNING, ULSER, PARU-PARU, KERONGKONG) | 15 | 15 | 10 | 0 | 40 |
| 5 | GANTUNG DIRI | 2 | | | 0 | 2 |
| 6 | DI CEDERA KAN POLIS | 1 | | | 0 | 1 |
| JUMLAH | | 20 | 18 | 12 | 0 | 50 |

Statistik kematian dalam lokap polis di seluruh negara pada tahun 2013 sehingga April 2016 mengikut negeri seperti berikut:-

| BIL | KONTINJEN | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | JUM |
|---------------|------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|------------|
| 1 | KEDAH | | 2 | 2 | 0 | 4 |
| 2 | PERAK | 2 | | 1 | 0 | 3 |
| 3 | P.PINANG | 2 | 5 | | 0 | 7 |
| 4 | KUALA LUMPUR | 3 | 2 | 3 | 0 | 8 |
| 5 | SELANGOR | 3 | 1 | | 0 | 4 |
| 6 | N9 | 1 | | | 0 | 1 |
| 9 | JOHOR | 2 | 6 | 3 | 0 | 11 |
| 10 | PAHANG | 1 | 2 | 1 | 0 | 4 |
| 11 | TERENGGANU | 1 | | | 0 | 1 |
| 12 | KELANTAN | 1 | | 1 | | 2 |
| 13 | SABAH | 4 | | | | 4 |
| 14 | SARAWAK | | | 1 | | 1 |
| JUMLAH | | 20 | 18 | 12 | 0 | 50 |

Statistik siasatan kematian dalam lokap polis di seluruh negara pada tahun 2013 sehingga April 2016 seperti berikut:-

| BIL | TAHUN | SIASAT | TUDUH | INKUES |
|---------------|--------------|---------------|--------------|---------------|
| 1 | 2013 | 9 | 1 | 6 |
| 2 | 2014 | 11 | | 4 |
| 3 | 2015 | 11 | | 0 |
| 4 | 2016 (APRIL) | | | 0 |
| JUMLAH | | 31 | 1 | 10 |

Pihak PDRM telah mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya sesuatu kes kematian di dalam tahanan dengan menjalankan siasatan rapi dan antara tindakan yang telah dibuat ialah dengan menjalankan inkues dan tuduh di mahkamah jika terdapat unsur kecuaiian atau kekerasan yang digunakan.